

Kastam rampas dron gergasi bernilai lebih RM1.6 juta



Salah satu dron dirampas di Pelabuhan Utara, Klang.

KELANA JAYA - Taktik pengikraran palsu sebagai perkakasan dapur untuk menyeludup masuk dron bagi kegunaan pertanian melalui Pelabuhan Utara, Klang, berjaya digagalkan pihak berkuasa, baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah (Penguatkuasaan) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Raizam Setapa @ Mustapha berkata, rampasan dibuat susulan penahanan sebuah kontena jam 5.15 petang pada 23 April lalu.

Menurutnya, hasil pemeriksaan dengan kerjasama Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) menemui produk dagangan elektronik iaitu dron.

"Sebanyak 20 unit dron dengan nilai keseluruhan lebih RM1.6 juta termasuk cukai dirampas.

"Pengimportan dagangan elektronik jenis dron memerlukan sijil kelulusan SIRIM sebelum dagangan dibawa masuk ke negara ini," katanya ketika sidang akhbar di Wisma Kastam Kelana Jaya pada Selasa.

Beliau berkata, modus operandi penyeludupan ialah membuat pengikraran palsu sebagai tuala dapur.

Tambahnya, JKDM percaya dron ini dibawa masuk bagi kegunaan sektor pertanian.

"Ini kes pertama sejak tahun lalu dan disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967," katanya.